

→ DASAR&PENTADBIRAN

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



Enam duta, dua wakil tetap kunjungi TPM

Enam Duta Besar Malaysia dan dua Wakil Tetap Malaysia melakukan kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di Putrajaya, semalam. Duta Besar Malaysia itu termasuk Datuk Raszlan Abdul Rashid yang akan bertugas di Filipina; Datuk Mahinder Singh Ram Singh (Switzerland); Mohd Hassan Bal (Croatia); Muzafar Shah Mustafa (Venezuela); Roseli Abdul (Turkmenistan) dan Abd Razak Abdul Wahab (Turki). Yang turut menyertai mereka dalam perjumpaan hampir setengah jam itu ialah Wakil Tetap Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Datuk Amran Mohamed Zin dan Wakil Tetap Malaysia ke ASEAN, Jakarta, Datuk Shariffah Norhana Syed Mustaffa.

Tiada perbankan konvensional dalam Simpanan Syariah KWSP

→ Pelaburan berpandukan model Alokasi Aset Strategik lindungi, tingkat nilai simpanan persaraan ahli

► Kuala Lumpur

Skim pelaburan patuh syariah sepenuhnya atau 'Simpanan Syariah' yang akan dilaksanakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahun depan, tidak mengguna pakai perbankan konvensional dalam portfolio pelaburannya.

Bagaimanapun, strategi pelaburannya masih berpandukan model Alokasi Aset Strategik (SAA) bertujuan melindungi dan meningkatkan nilai simpanan persaraan ahli.

Menurut kenyataan dikeluarkan semalam, pelaksanaan skim pelaburan patuh syariah ini bukan baharu kepada KWSP kerana selama ini dana persaraan itu mematuhi dasar pelaburan dan garis panduan beretika yang melarangnya melabur dalam sektor menggalakkan perjudian, mengeluarkan serta mengedar senjata untuk peperangan, menghasilkan dan mempromosikan alkohol, selain aktiviti mempromosi hiburan tidak berlandaskan syariah.

"Selain itu, KWSP tidak melabur di negara yang tiada hubungan



KWSP tidak melabur di negara yang tiada hubungan diplomatik dengan Malaysia. Kadar dividen bagi 'Simpanan Syariah' akan berasaskan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah dibuat dana itu"

Kenyataan

diplomatik dengan Malaysia.

"Kadar dividen bagi 'Simpanan Syariah' akan berasaskan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah dibuat dana itu," katanya.

Perbezaan dengan TH

Mengenai perbandingan simpanan syariah ditawarkan Tabung Haji (TH), skim baharu KWSP itu mempunyai konsep sama iaitu operasi dan pengurusan pelaburan tertakluk kepada prinsip Islam serta berlandaskan garis panduan ditetapkan Jawatankuasa Penasihat Syariah masing-masing, namun objektif penubuhan KWSP dan TH adalah berbeza.

TH berperanan sebagai pengelola dana jemaah haji dan mengurus aktiviti haji, manakala KWSP menyediakan faedah persaraan kepada ahli.

"Jadi, perbandingan secara langsung antara kadar dividen KWSP dan TH atau dana lain, tidak beresuaian memandangkan setiap dana mempunyai objektif, strategi serta risiko berbeza.

"KWSP adalah organisasi keselamatan sosial yang bertanggung-

jawab menjaga simpanan hari tua ahli. Justeru, strategi pelaburan KWSP yang disokong rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang menyeluruh, memberi penekanan ke atas pelaburan berhemah, berisiko rendah dan mampu menyediakan pulangan stabil jangka panjang," katanya.

'Simpanan Syariah' KWSP dijadual dilancarkan pada Januari 2017 dengan saiz dana permulaan RM100 bilion.

Permohonan skim baharu ini akan dibuka kepada semua pencaharum KWSP yang memilih untuk akaunnya diurus dan dilaburkan mengikut prinsip Islam.

Pengenalan skim baharu ini selari dengan arah tuju masa depan KWSP menawarkan produk mengikut permintaan ahli. Pengurusan sedia ada akan mengurus 'Simpanan Syariah' dengan rangka kerja tadbir urus syariah akan diwujudkan membabitkan Jawatankuasa Penasihat Syariah dan fungsi pematuan syariah ditetapkan Lembaga Pengarah bagi memastikan operasi serta aspek pelaburan itu berlandaskan prinsip syariah.

BERNAMA